Malasysia Gazette

Rumah SelangorKu: Lebih 200 pembeli ‘menangis’ dakwa kerajaan negeri lepas tangan

By **Kasthuri Jeevendran**

-

19 January 2020

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Balakong, Wong Siew Ki bersama pembeli-pembeli Residensi Jaya memegang poster bantahan mengenai projek rumah Selangorku yang bermasalah dan pemaju rumah Selangorku dalam proses penggulungan di Tapak Residensi Jaya, Taman Juara Jaya, Seri Kembangan, Selangor. foto AFFAN FAUZI, 19 JANUARI 2020

BALAKONG – Bersandarkan kepercayaan Skim Rumah Selangorku di bawah kerajaan negeri itu selamat, rata-rata pembeli terutama kakitangan kerajaan serta golongan muda teruja membeli rumah pertama mereka.

Bagaimanapun, harapan lebih 221 pembeli rumah itu di Residensi Jaya, Taman Juara Jaya, Cheras di sini berkecai apabila pemajunya BT Dutamas atau Jitu Enigma Sdn Bhd membuat deklarasi bankrap dan projek itu tidak dapat disiapkan.

Bagaimanapun, deposit sebanyak 10 peratus atau kira-kira lebih RM25,00 telah diambil pemaju daripada setiap pembeli sehingga anggaran kerugian mereka mencecah lebih daripada RM4.5 juta.

Rata-rata mereka yang merupakan kakitangan kerajaan telah menggunakan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dari akaun kedua bagi membayar deposit berkenaan selain daripada mendapatkan pinjaman jangka pendek.

Namun apa yang lebih memilukan hati, walaupun telah dijanjikan rumah itu siap pada tahun depan namun sehingga kini ia bukan sahaja terbengkalai malah pembeli terpaksa mencari sendir kepastian mengenai projek perumahan itu.